

TARIKH: 21/12/23
SURAT KHABAR: Sinar Harian.
MUKA SURAT: 6

Skim PERKESO pekerja sektor perfileman dilaksana segera

PUTRAJAYA - Skim Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) untuk pekerja dalam sektor perfileman termasuk *freelancer* akan diwujudkan untuk memastikan mereka mendapat perlindungan keselamatan sosial termasuk pencen ilat, kata Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil.

Beliau berkata, langkah itu akan membolehkan penggiat industri perfileman yang kebanyakannya berdepan kesukaran keselamatan sosial termasuk isu pencen mempunyai perlindungan mencukupi.

Justeru, Fahmi berkata, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Finas) diminta mengadakan perbincangan mendalam dengan PERKESO bagi membolehkan skim berkenaan dilaksanakan dengan kadar segera.

"Bagi pelakon dan kru, tangan mereka, kaki mereka dan tubuh badan adalah 'peralatan' mereka untuk bekerja. Kalau ada berlaku apa-apa maka kesannya adalah seumur hidup," katanya.

Beliau berkata demikian menghadiri Program Spotlight: Apresiasi Sinema Malaysia Tahun 2023 di sini pada Rabu. - *Bernama*

Sinar Harian m/s 6 Nasional

Fahmi's
21/12/23